



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari **18 tahun** pada tarikh tutup iklan ditawarkan untuk memohon jawatan **bertaraf Tetap/Kontrak** di Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan keutamaan kepada **Anak Negeri Selangor**.

1. Nama Jawatan	:	JURUUKUR BAHAN		
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan		
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Dan Profesional		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Kekosongan Jawatan	:	1		
		<u>Min</u>		<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	J41	RM 2,529.00	RM 9,643.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM300.00
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM300.00
- iv) Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal : 5% daripada gaji

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred J41: RM 2,529.00)
- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Nama Jawatan	:	PEGAWAI TADBIR	
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Dan Profesional	
Taraf Jawatan	:	Tetap	
Kekosongan Jawatan	:	1	
Deskripsi Tugas	:	Geosains	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	N41 RM 2,080.00	RM 9,546.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM300.00
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM300.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
 - b) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).

Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang memiliki kelayakan akademik dalam bidang Geosains serta mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam bidang Geosains.

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3) Deskripsi Tugas :

- 3.1. Menjalankan kerja – kerja penyelenggaraan cerun kritikal secara berkala.
- 3.2. Memeriksa dan memantau pembangunan kawasan bukit dan tanah tinggi secara berterusan.
- 3.3. Melaporkan kepada pengurusan MPAJ berkenaan tindakan jangka panjang penyelenggaraan cerun / tembok penahan.
- 3.4. Memastikan cerun / tembok penahan sedia ada diselenggara oleh pihak bertanggungjawab.
- 3.5. Melaporkan kepada pengurusan MPAJ berkenaan tindakan jangka panjang penyelenggaraan cerun / tembok penahan.
- 3.6. Pemantauan, pemeriksaan dan perancangan kerja pemuliharaan cerun.
- 3.7. Melaksana dan mengurus projek penstabilan dan pembaikan cerun.
- 3.8. Menilai laporan / rekod penyelenggaraan cerun / tembok penahan yang dikemukakan oleh pemaju yang telah disahkan oleh jurutera profesional bertauliah.
- 3.9. Pemantauan, pemeriksaan dan perancangan kerja pemuliharaan cerun.
- 3.10. Melaksana dan mengurus projek penstabilan dan pembaikan cerun.
- 3.11. Menjalankan penilaian awal terhadap cerun cerun yang telah dikenalpasti berisiko bencana. Cadangan tindakan awalan dikemukakan kepada pengurusan MPAJ untuk tindakan susulan.
- 3.12. Melakukan tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan notis arahan tindakan pembaikan, notis berhenti kerja dan tawaran mengkompaun.
- 3.13. Menyediakan Data Inventori Cerun yang lengkap di dalam kawasan MPAJ.
- 3.14. Mengemaskini data/maklumat inventori cerun.
- 3.15. Memudahkan maklumat diperolehi seperti maklumat terkini pemilik tanah, persempadanan tanah pemilik juga lebih mudah diperolehi.
- 3.16. Program ini perlu dilaksanakan bagi tujuan mewujudkan kerjasama di antara penduduk setempat dengan MPAJ secara berterusan. Langkah ini telah dimulakan ketika ini dengan kerjasama bersama COBARA dan Slopewatch di Bukit Antarabangsa.

3. Nama Jawatan : PEGAWAI PENILAIAN			
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Dan Profesional	
Taraf Jawatan	:	Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	1	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	W41 RM 2,094.00	RM 9,585.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM300.00
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM300.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Ijazah Sarjana Muda Sains (Pengurusan Harta Tanah) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W41: RM 2,508.29)
- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Nama Jawatan : PENOLONG PEGAWAI PENGUATKUASA			
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Keselamatan Dan Pertahanan Awam	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
Taraf Jawatan	:	Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	2	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	KP29 RM 1,493.00	RM 5,672.00

Elaun :

i)	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	:	RM160.00
ii)	Imbuhan Tetap Perumahan	:	RM300.00
iii)	Bantuan Sara Hidup (COLA)	:	RM350.00
iv)	Elaun Kritikal	:	RM300.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - c) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,493.00); atau
 - d) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,770.95); atau
 - e) diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP29: RM1,846.15); dan
 - f) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut :
 - i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv) mempunyai ukuran sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

- v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. Nama Jawatan	:	PENOLONG JURUUKUR BAHAN	
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kejuruteraan	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
Taraf Jawatan	:	Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	1	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	JA29 RM 1,549.00	RM 5,701.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM160.00
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) RM350.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00); atau
 - b) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,935.02).

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

6. Nama Jawatan	:	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Pentadbiran dan Sokongan	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
Taraf Jawatan	:	Tetap / Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	1 (T) / 4 (K)	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	N29 RM 1,493.00	RM 5,672.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM350.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
 - b) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
 - c) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
 - d) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

7. Nama Jawatan : PENOLONG AKAUNTAN			
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
Taraf Jawatan	:	Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	2	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	W29 RM 1,498.00	RM 5,678.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
- ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM350.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
 - b) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,510.92); atau
 - c) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM1,776.08); atau

d) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W29: RM2,001.68).

2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

8. Nama Jawatan	:	PEMBANTU AKAUNTAN		
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kewangan		
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana		
Taraf Jawatan	:	Kontrak		
Kekosongan Jawatan	:	5		
		<u>Min</u>		<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	W19	RM 1,353.00	RM 4,005.00

Elaun :

- i) Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM115.00
- ii) Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
- iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM350.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau
 - b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau

- c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
- d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80).
- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

9. Nama Jawatan	:	PEMANDU KENDERAAN	
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Kemahiran	
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana	
Taraf Jawatan	:	Kontrak	
Kekosongan Jawatan	:	5	
		<u>Min</u>	<u>Mak</u>
Gred dan Jadual Gaji	:	H11 RM 1,218.00	RM 2,939.00

Elaun :

- i) Imbuhan Tetap Khidmat Awam : RM95.00
ii) Imbuhan Tetap Perumahan : RM300.00
iii) Bantuan Sara Hidup (COLA) : RM350.00

Syarat Lantikan :

- 1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
- a) i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)); dan

- iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

• Lesen D	:	RM1,264.15
• Lesen E/E1/E2	:	RM1,310.30
• Lesen F/H	:	RM1,356.45
• Lesen G/I	:	RM1,402.60

* **Calon yang mempunyai Lesen Memandu Kelas E (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)) adalah digalakkan untuk memohon.**

- 2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON :

- a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang MPAJ 1 (Percuma) yang boleh didapati dari **Kaunter Khidmat Pelanggan** atau **muat turun borang melalui laman web Majlis Perbandaran Ampang Jaya** iaitu www.mpaj.gov.my
- b) Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah dihantar beserta dengan:
- Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran;**
 - Salinan Sijil-sijil Persekolahan termasuk Sijil Berhenti Sekolah;**
 - Salinan Kelulusan Akademik** (sila lampirkan bersama surat pengesahan pengiktirafan kelayakan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi sijil/diploma/ijazah dari IPTS dan luar negara - (jika berkenaan);
 - Transkrip keputusan peperiksaan semua semester** (jika yang berkenaan);
 - Sekeping **gambar ukuran passport (warna)**; dan
 - Nama jawatan yang dipohon hendaklah dinyatakan dipenjuru atas kiri sampul surat permohonan.**

- c) Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan mengikut Perintah Am Bab 'A' 21 (Disertakan bersama rekod perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan LNPT yang terkini).
- d) Calon-calon yang terpilih akan menjalani Ujian Kecerdasan (IQ Test) dan Ujian Kecergasan (Fitness) (sekiranya ada) sebelum layak dipanggil untuk sesi temuduga.

PENTING :

- i. Permohonan yang **lewat** dan **tidak lengkap** diisi akan **ditolak**.
- ii. Hanya calon yang ditapis sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iv. Sebarang tuntutan perbelanjaan adalah tanggungjawab pemohon sendiri.
- v. **Slip akuan penerimaan borang permohonan** hendaklah diisi dan disertakan dengan **setem RM1.30 sen**.
- vi. Sebarang pertanyaan atau kesulitan sila hubungi talian **03-4285 7040 / 7037**.
Semua permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN ARAS 4
MENARA MPAJ
JALAN PANDAN UTAMA
PANDAN INDAH
55100 KUALA LUMPUR
(U.P: BAH. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Diiklankan pada : 26 SEPTEMBER 2021 (AHAD)

Tarikh tutup permohonan pada : 05 OKTOBER 2021 (SELASA)

KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA ANAK NEGERI SELANGOR